

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]

TARIKH : 1 APRIL 2015 (RABU)

SOALAN :

YB Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa lamakah simpanan 'proven reserves' minyak dan gas negara seperti direkodkan Petronas. Dengan kadar pengeluaran kini, berapa lamakah negara mampu menjadi negara pengeluar minyak dan gas. Nyatakan keadaan 'probable reserves', dan 'possible reserves' minyak dan gas negara kita.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat 1 Januari 2014, penemuan sumber di Malaysia adalah dianggarkan berjumlah 22.6 bilion tong minyak setara (*Billion Barrel of Oil Equivalent (BBOE)*) dengan nisbah purata penambahan-semula hasil keseluruhan 3 tahun (*3-year Average Overall Resources Replenishment Ratio (oRRR)*) sebanyak 1.94 kali. Jumlah sumber bagi minyak mentah dan kondensat berada pada takat 5.8 bilion tong minyak (*Billion Stock-Tank Barrels (BSTB)*), manakala bagi gas semulajadi, jumlah sumber adalah sebanyak 16.8 BBOE bersamaan dengan 100.662 *Trillion Standard Cubic Feet (TSCF)*.

Berdasarkan tahap pengeluaran pada tahun 2013, perangkaan penemuan sumber ini dianggarkan akan bertahan selama lebih kurang 37 tahun mengikut pengiraan Indeks Jangka Hayat (*Overall Resources Life Index (ORLI)*). Kenaikan jumlah penemuan sumber ini berbanding tahun sebelumnya adalah disebabkan oleh usaha PETRONAS yang berterusan dalam bidang penerokaan dan pembangunan telaga minyak baru.

Namun demikian, nilai perangkaan ini mempunyai kebarangkalian untuk berubah dari semasa ke semasa mengikut perubahan dari segi penemuan sumber di masa akan datang, dan juga turun-naik harga pasaran minyak dunia. Nilai yang boleh dijadikan kayu pengukur di dalam membuat penganggaran penemuan sumber minyak dan gas

adalah oRRR yang lebih daripada 1.0 kali, di mana nilai oRRR semasa bagi operasi huluan PETRONAS seperti yang tertera di atas, berada pada tahap yang baik pada 1.94 kali